

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : Bertulis  
**DARIPADA** : Datuk Rozman bin Isli [ Labuan ]  
**SOALAN** : Datuk Rozman bin Isli [Labuan] minta  
**MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI**  
**ASAS TANI** menyatakan:- apakah jenis  
kajian atau ujian telah Kementerian  
laksanakan berkaitan wabak penyakit kuku  
dan mulut (FMD) yang dikesan melanda  
negara dan berapakah jumlah haiwan  
ternakan khususnya lembu yang dijangkiti  
penyakit FMD ?

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

Dalam menangani wabak penyakit Kuku dan Mulut (FMD), ujian-  
ujian yang dijalankan adalah seperti berikut:-

- i) Ujian *Enzyme-linked Immunosorbent Assay (ELISA)* ke atas sampel tisu epitelium lembu dengan kaedah pengasingan virus melalui kultur tisu untuk mengesan antigen virus FMD dan mengenalpasti serotip virus FMD;

- ii) Ujian *Reverse-Transcriptase Polymerase Chain Reaction (RT-PCR)* pada tisu ternakan untuk pengesanan virus;
- iii) Ujian Serologi ke atas sampel serum untuk mengesan antibodi terhadap *Non-Structural Protein (NSP)* virus dan digunakan untuk mengenalpasti jangkitan virus FMD pada ternakan; dan
- iv) Ujian *Liquid-Phase Blocking Enzyme-linked Immunosorbent Assay (LPBE)* dijalankan untuk menilai keberkesanan vaksinasi ke atas ternakan.

Sepanjang tahun 2016, sejumlah 486 ekor lembu telah dijangkiti penyakit FMD di 9 buah negeri di Semenanjung Malaysia.

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar telah berjaya membendung penularan penyakit ini dan kini sedang merangka Pelan Strategik Kawalan FMD untuk Malaysia mencapai negara bebas FMD melalui suntikan menjelang tahun 2020.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK ROZMAN BIN ISLI [LABUAN]**

**SOALAN : 134**

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan berapakah jumlah perbelanjaan terperinci bagi projek pembinaan perkhidmatan tren elektrik (ETS) dan berapakan jumlah statistik pengguna tren ETS direkodkan berbanding KTM.**

## JAWAPAN

Yang Berhormat,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah membelanjakan sebanyak RM 26.94 bilion bagi projek pembinaan perkhidmatan tren elektrik (ETS) yang meliputi kos pembinaan landasan berkembar elektrik dan perolehan set ETS.

Statistik bilangan penumpang Perkhidmatan ETS berbanding jumlah keseluruhan penumpang Perkhidmatan KTMB bagi bulan Januari hingga Ogos 2016 yang telah direkodkan adalah seperti berikut:

Bulan (2016)	Jumlah Penumpang	
	Perkhidmatan ETS	Keseluruhan Perkhidmatan KTMB
Januari	220,730	4,324,011
Februari	247,153	3,899,485
Mac	264,102	4,360,755
April	254,841	4,050,399
Mei	283,362	3,802,952
Jun	281,687	3,899,134
Julai	342,604	3,964,400
Ogos	295,164	3,796,992
<b>Jumlah</b>	<b>2,189,643</b>	<b>32,098,128</b>